



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

## **SIARAN MEDIA**

### **KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM KE-27**

---

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi perkenan untuk melantik YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, 58 tahun sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Ke-27 berkuat kuasa 9 Januari 2024.

YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz telah memulakan tugas secara rasmi sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam hari ini. Beliau tiba di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Putrajaya dan disambut oleh YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), YBhg. Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) dan barisan Pengurusan Tertinggi JPA.

Sejurus selepas sesi mengimbas kad perakam waktu, beliau telah menghadiri taklimat tertutup bersama barisan Pengurusan Tertinggi JPA bagi menyampaikan visi pencorakan JPA yang akan berlandaskan kerangka Malaysia MADANI.

Dalam pertemuan itu, beliau menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kepercayaan dan amanah diberikan oleh YAB Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara serta pucuk pimpinan Kerajaan. Beliau juga turut menghargai YBhg. Dato' Seri Dr. Zulkapli bin Mohamed, mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di atas segala jasa dan sumbangan bakti selama ini.

Fokus utama Perkhidmatan Awam kelak akan berteraskan kepada agenda Malaysia MADANI dan *The G.R.E.A.T. Civil Service*. Beberapa sasaran akan diberikan tumpuan oleh JPA seperti menyegerakan kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), pengukuhan peranan penjawat awam dalam mendukung hala tuju Kerajaan, pembudayaan integriti yang kukuh, pemantapan modal insan dan bakat terbaik, pemerkasaan organisasi secara kejut dan tangkas, serta pendigitalan sektor awam.

Harapan beliau agar seluruh Perkhidmatan Awam berusaha meneroka tonggak Malaysia MADANI dengan lebih tuntas dalam kerangka pemikiran, memetakan strategi pentadbiran secara berkesan, menekankan kepada pemerkasaan ekonomi dan budaya yang berteraskan nilai, etika dan akhlak serta membudayakan Bahasa Melayu tanpa mengabaikan penguasaan Bahasa Inggeris.

Di samping itu, penjawat awam juga diingatkan agar sentiasa menjalankan tanggungjawab secara bersungguh-sungguh berteraskan kepada prinsip kedaulatan undang-undang serta nilai-nilai integriti selaras dengan surat Aku Janji yang telah ditandatangani.

Semoga pelantikan ini akan terus memacu kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam yang berpaksikan rakyat selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 9 Januari 2024

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.2 ( 57 )